

21 APR 2001

LEAD Mahathir-UMNO

CADANGAN LARANG GOLONGAN TERLALU KAYA BERTANDING

JITRA, 21 April (Bernama) -- Umno akan mengkaji kemungkinan melarang anggota-anggotanya yang terlalu kaya daripada bertanding jawatan penting di peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu, beliau berkata tahap kekayaan yang dicadangkan itu ia masih lagi dikaji.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dan Ketua Bahagian Kubang Pasu berkata bahawa kebiasaannya orang kaya akan menggunakan kekayaan mereka untuk mencapai matlamat peribadi masing-masing.

"Ada juga orang kaya yang tidak menggunakan kekayaannya untuk mencari kepentingan diri. Keikhlasan mereka juga perlu diambil kira," katanya.

Beliau diminta mengulas mengenai larangan golongan terlalu kaya bertanding itu seperti yang disebut dalam ucapannya sebelum itu.

Dalam ucapannya itu, Dr Mahathir berkata cadangan itu bertujuan membendung amalan politik wang dalam parti.

Perdana Menteri bimbang golongan itu juga akan menggunakan kedudukan untuk meningkatkan kekayaan mereka.

"Mereka berpendapat jika dapat jawatan, mereka akan turut dapat kemudahan daripada kerajaan," katanya.

Beliau percaya perebutan untuk menjadi ketua bahagian dan cawangan antara lain untuk mendapatkan kontrak melaksanakan projek-projek kerajaan.

"Kita akan tentukan dalam Majlis Tertinggi tidak akan diberi kontrak sama sekali kepada ketua bahagian," katanya.

Menurutnya, ketua-ketua bahagian yang masih memperolehi kontrak selepas ini dan menyalahgunakan wang untuk kepentingan peribadi akan disenaraihitamkan.

Dr Mahathir berkata, kegiatan mereka akan diawasi dan mereka juga akan dipastikan tidak berpeluang mendapat kontrak kerajaan.

Langkah Umno itu bukan untuk menjadikan Umno sebagai parti golongan miskin dan daif tetapi lebih utama Umno perlu menjadi parti yang bersih.

Perdana Menteri berkata langkah itu tidak menghalang orang Melayu mencari kekayaan tetapi mereka boleh melakukannya meskipun tidak menjadi pemimpin Umno.

Kerajaan berusaha untuk melahirkan sebanyak mungkin orang-orang Melayu yang kaya di negara ini.

"Mereka (orang Melayu) tetap akan menikmati kekayaan walaupun tidak bergelar pemimpin" katanya.

Dr Mahathir turut kesal dengan perbuatan segelintir pemimpin parti yang menggunakan anggota pembangkang bagi memenangkan mereka dalam pemilihan bahagian.

Katanya, beliau telah menerima maklumat mengenai perkara itu yang berlaku di beberapa bahagian.

Beliau percaya perkara itu berlaku kerana anggota parti pembangkang yang terbabit masih disenaraikan sebagai anggota Umno.

Perdana Menteri berkata, beliau juga bersedia melepaskan jawatannya apabila tiba masanya kelak.

Menurutnya jika beliau tidak lagi memegang apa-apa jawatan beliau akan tetap memberi sokongan kepada Umno yang disayangnya.

"Saya mesti beri sokongan kepada orang yang sebelum ini menyokong saya," katanya.

Dr Mahathir mengingatkan bahawa kuasa politik bangsa Melayu belum menjamin keselamatan bangsa tanpa kekuatan ekonomi.

Katanya setiap rakyat perlu menyemai budaya murni bangsa dalam jiwa mereka.

Pada masa ini budaya itu, disemai dalam Umno semakin kabur apabila amalan rasuah mula meresapi Umno.

Dr Mahathir berkata, pengalaman bersemuka dengan pelbagai golongan masyarakat termasuk cendekiawan menunjukkan ada yang berpandangan negatif terhadap Umno.

Menurutnya, jika budaya negatif diserap dalam Umno orang-orang Melayu akan mengalami masa depan yang sukar.

"Kita tidak mungkin menang pilihan raya semata-mata hanya sokongan ahli Umno," katanya.

Beliau berkata, Umno memerlukan sokongan bukan sahaja oleh anggota parti untuk memastikan kemenangan yang berterusan tetapi juga sokongan daripada pihak yang bersimpati yang memberi sokongan dari luar.

Dr Mahathir berkata, Umno akan menjadi parti yang kuat dan terus diminati jika setiap pemimpin dan anggotanya mempamerkan budaya yang baik.

Menurutnya rakyat tidak mahu negara ini dipimpin oleh orang-orang yang membeli jawatan dengan kekayaan mereka.

"Parti akan rosak jika mempunyai pemimpin yang bermasalah dan mengamalkan rasuah," jelasnya.

Katanya, keadilan juga tidak akan wujud dalam sebuah negara jika amalan rasuah berleluasa.

Persidangan itu dihadiri oleh 391 perwakilan daripada 128 cawangan di Kubang Pasu.

Dr Mahathir menang tanpa bertanding bagi jawatan ketua Umno bahagian itu.

-- BERNAMA

AD ZA RI MAI